

Isma seru PAS dan Umno sepakat demi kepentingan Islam
Malaysian Insider
April 29, 2014

Ikatan Muslimin Malaysia (Isma) hari ini menyeru pimpinan parti Melayu Islam iaitu PAS dan Umno agar bersepakat dalam isu hudud demi kepentingan Islam.

Setiausaha Biro Politik Isma, Mohd Hazizi Abd Rahman (gambar) berkata, Isma mahu kedua-dua parti itu menghentikan persaingan politik kepartian yang merugikan sebaliknya fokus menjana persepakatan umat demi kemajuan umat Islam.

"Isma melihat secara positif sokongan terbuka pimpinan tertinggi Umno terhadap pelaksanaan hudud oleh kerajaan Kelantan. Di saat perpecahan umat Islam kepada dua blok politik kepartian yang merugikan, sebarang persepakatan atas isu-isu kepentingan umat Islam adalah amat dialu-alukan," kata beliau dalam satu kenyataan.

Dalam pilihan raya umum lalu, Isma sebuah NGO Islam bertanding atas tiket Berjasa. Parti ini berjaya memecahkan undi Pakatan Rakyat (PR) dan menguntungkan Umno.

Sebahagian pemimpin PAS menganggap Umno tidak jujur ketika menyokong cadangan PAS untuk membawa rang undang-undang persendirian itu.

Ekoran itu, mereka meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyatakan dengan jelas sikapnya mengenai hudud.

"Bagi saya, isu paling besar di sini sebelum kita pergi lebih jauh adalah untuk mengetahui apakah pendirian Najib. Adakah BN akan menyokong rang undang-undang persendirian ini?"

"Jika benar, maka kita boleh berbincang. Jika tidak, jelas mereka hanya mempermainkan PAS demi kepentingan agenda mereka," kata Datuk Husam Musa, Naib Presiden PAS.

Menurut Hazizi, meskipun pelaksanaan hudud memerlukan kajian dan persiapan rapi, itu tidak bermakna PAS perlu mengalah dan akur terhadap suara-suara sumbang daripada rakan PR yang menolak mentah-mentah undang-undang hudud.

Di samping itu, beliau memandang positif sokongan terbuka pimpinan tertinggi Umno dalam isu ini dan menyambut baik cadangan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebuah jawatankuasa teknikal khas mengenai hudud membabitkan wakil kerajaan Persekutuan serta kerajaan Kelantan perlu diwujudkan di peringkat kebangsaan bagi membolehkan undang-undang Islam itu dibincangkan secara terperinci.

Tambahnya, Umno pula mesti menunjukkan kesungguhan dan komitmen jitu agar tidak dilihat sebagai cakap tidak serupa bikin.

“Isu hudud merupakan medan ujian kesetiaan dan kejujuran Umno pada perjuangan bangsa dan agama mengatasi kepentingan masa depan politik peribadi pemimpin,” kata beliau lagi.

Hazizi turut menyeru rakyat bukan Islam agar tidak bimbang dengan perkembangan mutakhir mengenai isu hudud ini dan tidak tergesa-gesa mengeluarkan kenyataan menentang sebelum mendapatkan penjelasan dan penerangan secukupnya.

Ujarnya, Isma yakin dan percaya jika dibuat persiapan rapi serta persediaan terperinci dalam segenap sudut secara menyeluruh, di samping dilaksanakan dengan sebaiknya oleh mereka yang terlatih dan pakar, langkah-langkah pendidikan dan pencegahan berterusan, maka undang-undang hudud mampu mendatangkan kesejahteraan hidup kepada masyarakat di negara ini. – 29 April, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isma-seru-pas-dan-umno-sepakat-demi-kepentingan-islam>